



PANDUAN PEMOHON

PORTAL PERMOHONAN PEMBIAYAAN LPPSA


2021

Dikemaskini : 01 Oktober 202

ISI KANDUNGAN

1.0 LAMAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN LPPSA.....	1
1.1 LOG MASUK KE PORTAL.....	2
1.2 PENDAFTARAN ID BARU.....	3
1.3 LUPA KATA LALUAN	11
2.0 KEMASKINI BUTIRAN.....	15
2.1 MAKLUMAT PERIBADI.....	18
2.2 ALAMAT KEDIAMAN.....	20
2.3 MAKLUMAT KELUARGA	21
2.4 MAKLUMAT PEKERJAAN	23
3.0 LAMAN UTAMA.....	26
3.1 PERMOHONAN PEMBIAYAAN.....	27
3.1.1 PERMOHONAN INDIVIDU.....	28
3.1.2 PERMOHONAN BERSAMA.....	40
4.0 BORANG ONLINE.....	41
4.1 PERMOHONAN PENYATA BAKI HUTANG UNTUK TUJUAN PENYELESAIAN PENUH.....	43
4.2 TUNTUTAN LEBIHAN BAKI PEMBIAYAAN PERUMAHAN.....	45
4.3 PERMOHONAN SALINAN DOKUMEN	47
4.4 PERMOHONAN PENGHANTARAN SEMULA DOKUMEN	48
4.5 PERMOHONAN PENANGGUHAN BAYARAN BALIK.....	49
4.6 PERMOHONAN PENGEMASKINIAN PUSAT PEMBAYAR GAJI.....	51
4.8 PERMOHONAN BAYARAN BALIK TUNGGAKAN.....	55
5.0 KALKULATOR	57
5.1 KALKULATOR - ANGGARAN ANSURAN BULANAN.....	57
5.2 KALKULATOR – PENYELESAIAN AWAL	60
6.0 INKUIRI STATUS.....	61
6.1 STATUS PERMOHONAN PEMBIAYAAN	62
6.2 STATUS BAYARAN BALIK	62
6.3 STATUS BAKI PEMBIAYAAN.....	63
6.4 STATUS BAYARAN PEMBIAYAAN	63
6.5 PENYATA TAHUNAN.....	64
7.0 PRA-PERSETUJUAN TAWARAN.....	65
8.0 PEMBATALAN PERMOHONAN	67

1.0 LAMAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN LPPSA




[Rajah 1.0]

- i) Laman utama Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA mempunyai menu berikut [Rajah 1.0]:
 - a) Log Masuk
 - b) Pendaftaran ID Baru
 - c) Terlupa Kata Laluan

1.1 LOG MASUK KE PORTAL


- i) Sila pastikan pemohon menggunakan pelayar web Google Chrome versi terkini untuk pengalaman pemohon yang optimum.
- ii) Bagi pemohon sedia ada, sila masukkan ID Pemohon di medan **ID Pemohon** dan kata laluan di medan **Kata Laluan**. ID Pemohon adalah nombor kad pengenalan dan Kata Laluan adalah sebagaimana yang digunakan semasa membuat permohonan sebelum ini.
- iii) Klik **Log Masuk** untuk mengakses sistem. [Rajah 1.1]



[Rajah 1.1]

1.2 PENDAFTARAN ID BARU

- i) Bagi pemohonan kali pertama, pemohon hendaklah mendaftarkan ID terlebih dahulu.
- ii) Sila klik pada butang ‘Daftar di sini’. [Rajah 1.2.1]



[Rajah 1.2.1]

Sila daftar akaun untuk teruskan

Semua maklumat anda adalah sulit

Nama Penuh (mengikut Kad Pengenalan Baru) *

Nombor Kad Pengenalan Baru *

750102085879

Tarikh Lahir *

 / /

Nombor Polis/ Tentera

Nombor Telefon Bimbit *

0123456789

Nombor Telefon Pejabat

0330103010

E-mel Peribadi *

example@email.com

E-mel Pejabat

example@email.com

[Rajah 1.2.2]

1. Semua maklumat yang bertanda * adalah wajib diisi. [Rajah 1.2.2]
2. Bagi permohonan pembiayaan bersama, kedua-dua pemohon (atau lebih) perlu membuat pendaftaran ID pemohon secara berasingan.
3. Maklumat **Pendaftaran ID Baru** yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut:

a. Nama *

Sila isi nama penuh seperti dalam kad pengenalan baru awam, tentera atau polis.

b. No. Kad Pengenalan Baru *

Sila isi nombor kad pengenalan baru 12 digit tanpa tanda sengkang (" - ").

c. Tarikh Lahir *

Maklumat tarikh lahir akan dikeluarkan secara automatik setelah maklumat nombor kad pengenalan diisi.

d. Nombor Polis/Tentera

Sila isi nombor kad pengenalan polis atau tentera (jika berkaitan).

e. Nombor Telefon Bimbit *

Sila isi nombor telefon bimbit yang berdaftar tanpa tanda sengkang (“ - ”). Nombor telefon bimbit yang didaftarkan ini akan digunakan untuk pengesahan pendaftaran dengan menerima *One Time Password* (OTP).

f. Nombor Telefon Pejabat

Sila isi nombor telefon pejabat yang terkini tanda sengkang (“-”).

g. E-mel Peribadi *

Sila isi alamat e-mel peribadi. E-mel peribadi yang didaftarkan ini akan digunakan untuk membuat pengesahan pendaftaran.

h. E-mel Pejabat

Sila isi alamat e-mel rasmi pejabat.

Butiran Log Masuk	
ID Pengguna *	<input type="text"/>
Kata Laluan *	<input type="password"/> ?
Pengesahan Kata Laluan *	<input type="password"/>
Terma & Syarat	
<input type="checkbox"/>	Saya telah membaca dan bersetuju dengan Terma Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) dan (jika berkenaan) Notis Perlindungan Data LPPSA .
Kembali Daftar	

[Rajah 1.2.3]

i. ID Pemohon *

Sistem secara automatik akan menetapkan nombor kad pengenalan sebagai ID Pemohon.

j. Kata Laluan *

Sila isi kata laluan dengan minimum 6 atau lebih aksara, kombinasi sekurang-kurangnya satu huruf kecil, satu huruf besar, dan satu nombor. (Pemohonan simbol adalah terhad kepada !,@,#,\$,%,&, *,(,),_,+ sahaja)

k. Pengesahan Kata Laluan

Sila isi semula kata laluan sebagai pengesahan.

4. Tandakan kotak Terma & Syarat dan seterusnya klik pada butang Daftar untuk langkah seterusnya. [Rajah 1.2.3]

Sila daftar akaun untuk teruskan

Semua maklumat anda adalah sulit

ID pengguna telah didaftarkan.

Nama Penuh (mengikut Kad Pengenalan Baru) *	WAN ISMAIL BIN WAN DAUD
Nombor Kad Pengenalan Baru *	880223072412
Tarikh Lahir *	23 / 02 / 1988

[Rajah 1.2.4]

5. Sekiranya maklumat ID pemohon telah wujud, mesej amaran ‘ID Pemohon telah didaftarkan sebelum ini’ akan dipaparkan. [Rajah 1.2.4]

Sila daftar akaun untuk teruskan

Semua maklumat anda adalah sulit

Nombor telefon bimbit telah digunakan

Nama Penuh (mengikut Kad Pengenalan Baru) *	WAN ISMAIL BIN WAN DAUD
Nombor Kad Pengenalan Baru *	870306242401
Tarikh Lahir *	06 / 03 / 1987

[Rajah 1.2.5]

6. Sekiranya maklumat nombor telefon bimbit telah wujud, mesej amaran ‘Nombor telefon bimbit telah digunakan’ akan dipaparkan. [Rajah 1.2.5]

Sila daftar akaun untuk teruskan

Semua maklumat anda adalah sulit

E-mel ini telah digunakan

Nama Penuh (mengikut Kad Pengenalan Baru) *

WAN ISMAIL BIN WAN DAUD

Nombor Kad Pengenalan Baru *

870306242401

Tarikh Lahir *

06 / 03 / 1987


[Rajah 1.2.6]

7. Sekiranya maklumat e-mel telah wujud, mesej amaran ‘E-mel ini telah digunakan’ akan dipaparkan. [Rajah 1.2.6]
8. Pemohon yang mengalami situasi di para 5, 6 dan 7 di atas perlu membuat aduan melalui Portal e-Tiket LPPSA atau menghubungi pusat panggilan LPPSA di talian 03-8880 1600.

The screenshot shows a portion of the LPPSA application form. On the left, there are fields for 'Nombor Telefon Pejabat' (0330103010), 'E-mel Peribadi' (unchecked), 'E-mel Pejabat' (unchecked), 'Butiran Log M' (unchecked), and 'ID Pengguna *' (unchecked). A central modal window titled 'Pengesahan Maklumat' contains the text 'Sila pastikan maklumat berikut adalah tepat untuk tujuan pengesahan:' followed by 'Nombor Telefon Bimbit : 0121762399' and 'E-mel : testcase1412@gmail.com'. At the bottom of the modal are 'Teruskan' and 'Tukar' buttons. Below the modal, there is a progress bar with dots.


[Rajah 1.2.7]

9. Setelah pemohon mengisi semua maklumat dengan tepat, pemohon hendaklah klik pada butang Daftar untuk teruskan. Sistem akan memaparkan maklumat nombor telefon bimbit dan e-mel untuk pengesahan. Setelah membuat pengesahan, pemohon hendaklah klik pada butang Teruskan untuk meneruskan permohonan atau klik butang Tukar untuk membuat penukaran maklumat. [Rajah 1.2.7]



[Rajah 1.2.8]


10. Setelah pemohon meneruskan permohonan, pemohon perlu mengesahkan akaun yang baru dibuat melalui e-mel dan SMS. E-mel akan dihantar ke e-mel peribadi yang didaftarkan. Sila klik pada pautan pengesahan dalam e-mel untuk melengkapkan pengesahan. Jika pemohon tidak menerima e-mel pengesahan, pemohon hendaklah klik pada **Klik Di sini** seperti Rajah 1.2.8 di atas untuk sistem menghantar semula e-mel pengesahan.



[Rajah 1.2.9]

11. Setelah pendaftaran telah disahkan melalui e-mel, pemohon hendaklah membuat pengesahan pendaftaran melalui nombor telefon bimbit dengan menerima *One Time Password* (OTP). Klik pada butang Mohon

OTP untuk sistem menghantar OTP kepada nombor telefon yang telah didaftarkan. [Rajah 1.2.9]



[Rajah 1.2.10]


12. Setelah menerima OTP melalui nombor telefon bimbit yang didaftarkan, masukkan 6 digit OTP dan klik pada butang **Teruskan**. Jika pemohon tidak menerima OTP, sila klik pada butang **Hantar Semula** untuk sistem menghantar semula OTP. [Rajah 1.2.10]

The screenshot shows a user profile picture of a woman and the text "Selamat Datang Wan Ismail". It includes a log-in history message: "Log Masuk Kali Terakhir: 2024-03-03 15:14:59". On the left sidebar, there are links: "Laman Utama", "Borang Online", "Kalkulator", "Inkuri Status", and "Soalan Lazim". The main content area has a title "Miliki rumah idaman anda hari ini" and a sub-section "Ciri-ciri dan Manfaat" with four boxes: "RM 20,000" (Amaun Kerja Tambahan untuk permohonan pembiayaan rumah kos rendah), "Maksima 4" (Pemohon Bersama dibenarkan), "7" (Jenis Pembiayaan), and "4%" (Kadar Faedah). Below these are links "> Maklumat lanjut" for each category. A central button says ">> PENAFIAN". A note below says "Mulakan permohonan baru atau semak permohonan sedia ada". A red note at the bottom left says "Sila pastikan maklumat-maklumat peribadi **sini**, alamat, pekerjaan, dan keluarga telah dikemaskini sebelum meneruskan permohonan pembiayaan." Two buttons at the bottom are "Permohonan Individu" (with a single person icon) and "Permohonan Bersama" (with two people icons).

[Rajah 1.2.11]

13. Apabila pengesahan pendaftaran telah berjaya, pemohon akan dibawa ke laman Kemaskini Butiran. [Rajah 1.2.11]

1.3 LUPA KATA LALUAN




The screenshot shows the login page for the LPPSA portal. At the top, it says "Log masuk ke Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA". Below that, it asks if the user doesn't have an account ("Belum mempunyai akaun LPPSA?") and provides a link to register ("Daftar di sini"). The login fields are labeled "ID Pengguna" (with a placeholder "No. Kad Pengenalan") and "Kata Laluan" (with a placeholder "Kata Laluan"). Below the password field is a link "Terlupa kata laluan?". A blue button at the bottom right says "Log Masuk »". At the very bottom, there is a link for assistance: "Untuk bantuan, sila hubungi Pusat Panggilan Utama LPPSA di 03-8880 1600 atau klik [sini](#)".

[Rajah 1.3.1]

1. Pemohon yang terlupa kata laluan boleh mendapatkan semula kata laluan di laman utama Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA.
2. Pemohon dikehendaki untuk Klik pada butang **Terlupa Kata Laluan**.

[Rajah 1.3.1]



[Rajah 1.3.2]

3. Pemohon boleh memilih untuk mendapatkan semula kata laluan samada melalui SMS atau E-mel [Rajah 1.3.2]:

The screenshot shows a form titled 'Terlupa Kata Laluan?' (Forgot Password?). It includes fields for 'Nombor Telefon Mudah Alih' (Mobile Number) and 'Nombor Kad Pengenalan' (Identification Card Number). Below the fields are two buttons: 'Kembali ke laman utama' (Return to Home Page) and 'Set semula kata laluan' (Reset Password). To the left of the form, there is explanatory text in two columns:

Kod OTP akan dihantar ke nombor telefon mudah alih anda yang telah didaftarkan untuk set semula kata laluan.

Sila berikan nombor telefon mudah alih dan nombor kad pengenalan yang didaftarkan untuk akaun anda. Sebarang pertanyaan sila kemukakan melalui portal etiket di pautan <https://etiket.lppsa.gov.my/>

[Rajah 1.3.3]

- a. SMS [Rajah 1.3.3 – Rajah 1.3.5]
 - Sekiranya pemohon memilih pilihan SMS, sila masukkan nombor telefon bimbit yang telah didaftarkan; dan
 - Sila masukkan nombor kad pengenalan tanpa tanda sengkang (“-”).
 - Klik butang **Set Semula Kata Laluan**.



[Rajah 1.3.4]

- Pemohon hendaklah klik pada butang Mohon OTP untuk mendapatkan nombor 6 digit yang akan dihantar ke nombor telefon yang telah didaftarkan. [Rajah 1.3.4]



Anda boleh memohon semula OTP selepas **40 seconds**, pada Apr 16, 2024, 02:57:26 PM

[Rajah 1.3.5]

- Setelah mendapat nombor 6 digit OTP, masukkan nombor tersebut pada ruangan yang disediakan dan klik pada butang **Teruskan**. [Rajah 1.3.5]

b. E-mel [Rajah 1.3.6 – 1.3.7]

The screenshot shows a form titled 'Terlupa Kata Laluan?' (Forgot Password?). It includes fields for 'E-mel' (Email) and 'Nombor Kad Pengenalan' (Identification Number), both with placeholder text. Below the fields are two buttons: '< Kembali ke laman utama' (Back to Home Page) and 'Set semula kata laluan' (Reset Password). To the left of the form, there is explanatory text in two columns.

Pautan untuk set semula kata laluan akan dihantar ke emel anda

Sila berikan e-mel dan nombor kad pengenalan yang didaftarkan untuk akaun anda. Sebarang pertanyaan sila kemukakan melalui portal etiket di pautan <https://etiket.lppsa.gov.my/>

Terlupa Kata Laluan?

E-mel

Nombor Kad Pengenalan

< Kembali ke laman utama

Set semula kata laluan

[Rajah 1.3.6]

- Sekiranya pemohon memilih pilihan E-mel, sila masukkan alamat e-mel yang telah didaftarkan.
- Sila masukkan nombor kad pengenalan tanpa tanda sengkang (“ ”).
- Klik butang **Set Semula Kata Laluan**.

The screenshot shows a confirmation message after a password reset. It includes a link back to the login page. To the left, there is explanatory text in two columns.

Pautan untuk set semula kata laluan akan dihantar ke emel anda

Sila berikan e-mel dan nombor kad pengenalan yang didaftarkan untuk akaun anda. Sebarang pertanyaan sila kemukakan melalui portal etiket di pautan <https://etiket.lppsa.gov.my/>

Terlupa Kata Laluan?

E-mel untuk set semula kata laluan bagi akaun **820801012406** telah dihantar ke e-mel [testcase1406@gmail.com](mailto: testcase1406@gmail.com).


[« Back to Login Page](#)

[Rajah 1.3.7]

- E-mel untuk set semula kata laluan akan dihantar ke e-mel yang telah didaftarkan. Pemohon hendaklah log masuk ke e-mel dan membuat penetapan semula kata laluan.

2.0 KEMASKINI BUTIRAN

Setelah pemohon berjaya membuat pendaftaran akaun dan log masuk ke dalam portal, langkah seterus dalam membuat permohonan pembayaran adalah seperti berikut:



[Rajah 2.0.1]

1. Langkah pertama yang perlu dibuat ialah mengemaskini maklumat peribadi seperti maklumat alamat, maklumat pekerjaan dan maklumat keluarga sebagaimana tulisan merah yang keluar pada paparan seperti Rajah 2.0.1 di atas.
2. Bagi akaun yang baru didaftarkan, pemohon akan dibawa ke laman Kemaskini Butiran setelah pengesahan SMS berjaya.
3. Bagi pemohon yang telah mempunyai akaun pula, butang Kemaskini Butiran akan berada di Menu Profil Pemohon yang terletak di sudut atas belah kanan. Rujuk Rajah 2.0.2 di bawah.



[Rajah 2.0.2]

4. Menu Profil Pemohon mempunyai item berikut :

i. **Maklumat Peribadi**

Membawa pemohon ke laman kemaskini profil

The screenshot shows the 'Selamat Datang Wan Ismail' dashboard on the left and the 'Tukar Kata Laluan' (Change Password) form on the right. The form fields are:

- Kata Laluan Semasa *
- Kata Laluan Baru *
- Ulang Taip Kata Laluan Baru *

A blue 'Simpan' button is located at the bottom right of the form.

[Rajah 2.0.3]

ii. **Tukar Kata Laluan**

Membenarkan pemohon menukar kata laluan [Rajah 2.0.3]

- Masukkan kata laluan semasa ke dalam ruang **Kata Laluan Semasa**.
- Seterusnya masukkan kata laluan baru ke dalam ruang **Kata Laluan Baru**.
- Sahkan kata laluan baru ke dalam ruang **Ulang Taip Kata Laluan Baru**.
- Klik pada butang **Simpan** untuk meneruskan ke langkah seterusnya.

**Selamat Datang
Wan Ismail**

Log Masuk Kali Terakhir: 2024-03-03 15:14:59

Laman Utama

Borang Online

▼ Kalkulator

Tukar Email

Tukar Alamat E-mel

Alamat E-mel Sedia Ada

Alamat E-mel Baru

Ulang Alamat E-mel Baru

Untuk mengemaskini alamat email anda, sila mengemukakan Permohonan Kemas Kini Alamat dari menu Borang Online.

Simpan

[Rajah 2.0.4]

iii. Tukar Email

Membenarkan pemohon menukar alamat e-mel [Rajah 2.0.4]

- Masukkan alamat e-mel sedia ada ke dalam ruang **Alamat E-mel Sedia Ada**.
- Seterusnya masukkan alamat e-mel baru ke dalam ruang **Alamat E-mel Baru**.
- Sahkan alamat e-mel baru ke dalam ruang **Ulang Alamat E-mel Baru**.
- Klik pada butang **Simpan** untuk meneruskan ke langkah seterusnya.

iv. Log Keluar

5. Maklumat Kemaskini Butiran yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut :

[Rajah 2.1.1 – 2.4.1]

- i. Maklumat Peribadi
- ii. Alamat Kediaman
- iii. Maklumat Keluarga
- iv. Maklumat Pekerjaan

2.1 MAKLUMAT PERIBADI

The screenshot shows the 'Kemaskini Butiran' (Update Details) page. At the top, there's a header with a profile picture of a woman, the name 'Selamat Datang Wan Ismail', and a log-in timestamp 'Log Masuk Kali Terakhir: 2024-03-03 15:14:59'. Below the header is a navigation bar with five tabs: 'Maklumat Peribadi' (highlighted in yellow), 'Alamat Kediaman', 'Maklumat Keluarga', and 'Maklumat Pekerjaan'. A note above the form states: 'Butiran yang dikemas kini di laman ini hanya untuk PERMOHONAN BAHARU sahaja.' The main form area contains fields for personal information:

- Gelaran:** A dropdown menu with 'Sila Pilih' (Select) as the placeholder.
- Nama Penuh (mengikut Kad Pengenalan Baru):** A text input field containing 'WAN ISMAIL BIN WAN DAUD'.
- Nombor KP Baru:** A text input field containing '870306242401'.
- Nombor Polis/ Tentera:** An empty text input field.
- Tarikh Lahir:** A date input field set to '06 / 03 / 1987'.
- Status Perkahwinan ***: Radio buttons for 'Bujang', 'Berkahwin', 'Balu/Duda', and 'Bercerai'.
- Jantina ***: Radio buttons for 'Lelaki' (selected) and 'Perempuan'.
- Bangsa ***: A dropdown menu with 'Sila Pilih' as the placeholder.
- Nombor Telefon Bimbit ***: A text input field containing '0121751410'.
- Alamat E-mel Peribadi**: A text input field containing 'testcase1401@gmail.com'.

At the bottom right of the form is a blue 'Simpan' (Save) button.

[Rajah 2.1.1]

1. Maklumat yang perlu dikemaskini adalah seperti berikut:

a. **Gelaran**

Sila isi gelaran seperti Tan Sri, Datin Sri, Dato', Datin, Encik, Puan, Cik dan sebagainya.

b. **Nama Penuh (mengikut Kad Pengenalan Baru)**

Maklumat nama penuh akan dilengkapkan secara automatik seperti yang telah diisi semasa pendaftaran ID baru pemohon.

c. **Nombor KP Baru**

Maklumat nombor Kad Pengenalan Baru akan dilengkapkan secara automatik seperti yang telah diisi semasa pendaftaran ID baru pemohon.

d. **Nombor Polis / Tentera**

Sila isi maklumat nombor polis / tentera jika pemilihan justifikasi maklumat pekerjaan adalah polis / tentera.

e. Tarikh Lahir

Maklumat tarikh lahir akan dilengkapkan secara automatik seperti yang telah diisi semasa pendaftaran ID baru pemohon.

f. Status Perkahwinan *

Sila pilih status perkahwinan sama ada Bujang, Berkahwin, Balu/Duda atau Bercerai.

g. Jantina *

Sila pilih jantina sama ada Lelaki atau Perempuan.

h. Bangsa *

Sila pilih satu (1) daripada bangsa berikut:

- Melayu
- Cina
- India
- Bumiputra Sabah
- Bumiputra Sarawak
- Lain-lain

i. Nombor Telefon Bimbit *

Maklumat nombor telefon bimbit akan dilengkapkan secara automatik seperti yang telah diisi semasa pendaftaran ID baru pemohon.

j. Alamat E-mel Peribadi

Maklumat e-e-mel peribadi akan dilengkapkan secara automatik seperti yang telah diisi semasa pendaftaran ID baru pemohon.

2. Klik pada butang **Simpan** untuk ke laman seterusnya.

Nombor KP Baru
870306242401

Pengesahan Maklumat

Sila pastikan Nama, No Kad Pengenalan dan Jantina betul sebelum ke paparan seterusnya.

Nama : WAN ISMAIL BIN WAN DAUD
No Kad Pengenalan : 870306242401
Jantina : Lelaki

Teruskan Tukar

[Rajah 2.1.2]

- Klik butang Teruskan untuk pengesahan maklumat atau klik Tukar sekiranya ingin meminda maklumat [Rajah 2.1.2].

2.2 ALAMAT KEDIAMAN

Selamat Datang
Wan Ismail
Log Masuk Kali Terakhir: 2024-03-03 15:14:59

Laman Utama
Borang Online
▼ Kalkulator
▼ Inkuiri Status
Soalan Lazim

Kemaskini Butiran

Butiran yang dikemas kini di laman ini hanya untuk **PERMOHONAN BAHRU** sahaja.

Maklumat Peribadi **Alamat Kediaman** Maklumat Keluarga Maklumat Pekerjaan

Sila lengkapkan maklumat Alamat Kediaman berikut.

Untuk menukar alamat surat-menyurat bagi aplikasi sedia ada, sila menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di 03-8880 1600.

Alamat *:

Poskad *: Sila Pilih Bandar:

Negeri: Sila Pilih Negara *: Sila Pilih

Simpan

[Rajah 2.2.1]

- Maklumat alamat kediaman yang perlu dikemaskini adalah seperti berikut:
 - Alamat ***
Sila isi alamat penuh kediaman yang terkini.
 - Poskad ***
Sila isi poskad bagi alamat kediaman terkini.
 - Bandar**
Maklumat Bandar akan dilengkapkan secara automatik mengikut pilihan poskad.
 - Negeri**
Maklumat Negeri akan dilengkapkan secara automatik mengikut pilihan poskad.
 - Negara**
Maklumat Negara akan dilengkapkan secara automatik kepada negara Malaysia.
- Klik pada butang Simpan untuk ke laman seterusnya.

2.3 MAKLUMAT KELUARGA

The screenshot shows the 'Kemaskini Butiran' (Update Information) page. At the top, there's a header with a profile picture of a woman, the name 'Selamat Datang Wan Ismail', and the log-in date 'Log Masuk Kali Terakhir: 2024-03-03 15:14:59'. Below the header is a sidebar with links: 'Laman Utama', 'Borang Online', 'Kalkulator', 'Inkuiri Status', and 'Soalan Lazim'. The main content area has a sub-header 'Butiran yang dikemas kini di laman ini hanya untuk PERMOHONAN BAHARU sahaja.' (Information updated on this page is only for NEW APPLICATIONS). There are four tabs at the top of the form: 'Maklumat Peribadi' (highlighted in blue), 'Alamat Kediaman', 'Maklumat Keluarga' (highlighted in yellow), and 'Maklumat Pekerjaan'. The 'Maklumat Keluarga' tab is active. The form fields include:

- Sila berikan maklumat sekurang-kurangnya satu ahli keluarga yang boleh dihubungi dan maksima tiga orang ahli keluarga.** (Please provide information about one relative who can be contacted, and a maximum of three family members.)
- 1 Sila berikan maklumat suami/isteri anda.** (1 Please provide information about your spouse.)
- 2 Sila berikan maklumat sekurang-kurangnya 1 orang waris.** (2 Please provide information about one heir.)
- Sila lengkapkan maklumat Ahli Keluarga berikut.** (Please complete the following family member information.)
- Tanda jika alamat sama** (Checkmark box) -
- Nama Penuh ***:
- Nombor KP Baru ***:
- Hubungan ***:
- Waris ***: Tidak Ya
- Alamat ***:
- Alamat Baris 3**:
- Poskod ***:
- Bandar**:
- Negeri**:
- Negara ***:
- Nombor Telefon Bimbit ***:
- Nombor Telefon Rumah**:
- Nombor Telefon Pejabat**:
- Alamat E-mel ***:
- Baru**
- Batal**

[Rajah 2.3.1]

1. Sila berikan maklumat sekurang-kurangnya 1 orang waris.
2. Pemohon wajib mengisi sekurang-kurangnya satu (1) maklumat waris yang boleh dihubungi.

a. Nama *

Sila isi nama penuh ahli keluarga seperti yang tercatat dalam kad pengenalan.

b. No KP Baru *

Sila isi nombor kad pengenalan baru ahli keluarga.

c. Hubungan *

Sila pilih satu (1) daripada hubungan keluarga berikut:

- Ibu Bapa
- Suami/Isteri
- Adik-beradik
- Anak
- Lain-lain

d. Alamat *

Sila isi alamat penuh ahli keluarga.

e. Poskod *

Sila isi poskod bagi alamat ahli keluarga dan pilih satu (1) daripada senarai poskod yang dipaparkan

f. Bandar

Maklumat bandar akan dilengkapkan secara automatik berdasarkan Poskod yang dipilih.

g. Negeri

Maklumat negeri akan dilengkapkan secara automatik berdasarkan Poskod yang dipilih.

h. No. Telefon Bimbit *

Sila isi nombor telefon bimbit tanpa tanda sengkang (“-”) atau ruang kosong (“ ”).

i. No Telefon Pejabat/Rumah

Sila isi nombor telefon pejabat atau rumah tanpa tanda sengkang (“-”) atau ruang kosong (“ ”) (jika ada).

j. E-mel

Sila isi alamat e-mel ahli keluarga (jika ada).

3. Klik pada butang **Simpan** untuk ke laman seterusnya.
4. Pemohon boleh mengemaskini maklumat ahli keluarga yang telah diisi.
[Rajah 2.3.2]
5. Pemohon juga boleh memadam maklumat ahli keluarga yang telah diisi.

The screenshot shows a user interface for entering family member information. At the top, there are four tabs: 'Maklumat Peribadi' (highlighted in blue), 'Alamat Kediaman', 'Maklumat Keluarga' (highlighted in yellow), and 'Maklumat Pekerjaan'. Below these tabs is a note: 'Sila berikan maklumat sekurang-kurangnya satu ahli keluarga yang boleh dihubungi dan maksima tiga orang ahli keluarga. Hanya satu ahli keluarga boleh dinamakan sebagai waris.' A 'Tambah Ahli Keluarga' button is shown. The main area contains a table:

	Nama Penuh	Nombor KP Baru	Hubungan	Waris	
1	KIN Busyra	100211286499	Anak	Ya	

[Rajah 2.3.2]

Padam Maklumat

Kemaskini Maklumat

2.4 MAKLUMAT PEKERJAAN

**Selamat Datang
Wan Ismail**

Log Masuk Kali Terakhir: 2024-03-03 15:14:59

- Laman Utama
- Borang Online
- ▼ Kalkulator
- ▼ Inkuiri Status
- Soalan Lazim

Kemaskini Butiran

Butiran yang dikemas kini di laman ini hanya untuk **PERMOHONAN BAHRU** sahaja.

Maklumat Peribadi
 Alamat Kediaman
 Maklumat Keluarga
 Maklumat Pekerjaan

Sila lengkapkan Maklumat Pekerjaan dibawah. [Kembali ke Laman Utama](#)

Kementerian/Jabatan/Bahagian *	<input type="text"/>		
Alamat *	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>		
Poskod *	<input type="button" value="Sila Pilih"/>	Bandar	<input type="text"/>
Negeri *	<input type="button" value="Sila Pilih"/>	Negara *	<input type="button" value="MALAYSIA"/>
No. Telefon *	<input type="text"/>		
Maklumat Ketua Jabatan			
Nama *	<input type="text"/>		
Kementerian/Jabatan/Bahagian *	<input type="text"/>		
Pangkat *	<input type="text"/>		
Emel *	<input type="text"/>		
No. Telefon *	<input type="text"/>	No. EXT	<input type="text"/>
Alamat *	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>		
Poskod *	<input type="button" value="Sila Pilih"/>	Bandar	<input type="text"/>
Negeri *	<input type="button" value="Sila Pilih"/>	Negara *	<input type="button" value="MALAYSIA"/>

[Baru](#)

[Rajah 2.4.1]

1. Maklumat pekerjaan yang perlu dikemaskini adalah seperti berikut :
 - a. **Nama Kementerian/Jabatan/Bahagian ***
Sila isi nama Kementerian, Jabatan atau Bahagian tempat bertugas.
 - b. **Alamat Kementerian/Jabatan/Bahagian ***
Sila isi alamat penuh Kementerian, Jabatan atau Bahagian tempat bertugas.

c. Poskod *

Sila isi poskod bagi alamat Kementerian, Jabatan atau Bahagian tempat bertugas dan pilih satu (1) daripada senarai poskod yang dipaparkan

d. Bandar

Maklumat bandar akan dilengkapkan secara automatik berdasarkan Poskod yang dipilih.

e. Negeri

Maklumat negeri akan dilengkapkan secara automatik berdasarkan Poskod yang dipilih.

a. Negara

Maklumat negera akan dilengkapkan secara automatik berdasarkan Poskod yang dipilih.

b. No Telefon Pejabat *

Sila isi nombor telefon pejabat tanpa tanda sengkang (“-”) atau ruang kosong (“ ”).

2. Klik pada butang **Simpan** untuk ke laman seterusnya.

Selamat Datang
Wan Ismail
Log Masuk Kali Terakhir: 2024-03-03 15:14:59

Kemaskini Butiran

Butiran yang dikemas kini di laman ini hanya untuk **PERMOHONAN BAHARU** sahaja.

Maklumat Peribadi Alamat Kediaman Maklumat Keluarga Maklumat Pekerjaan

Berjaya Disimpan!

Sila lengkapkan Maklumat Pekerjaan dibawah. [Kembali ke Laman Utama](#)

[Rajah 2.4.2]

3. Setelah Kemaskini Butiran berjaya disimpan, sila klik pada butang Kembali Ke Laman Utama.

3.0 LAMAN UTAMA



[Rajah 3.0.1]

1. Laman Utama adalah halaman utama Portal Permohonan Pembiayaan [Rajah 3.0.1]
2. Menu Utama terletak pada panel sebelah kiri halaman. [Rajah 3.0.2]
3. Item menu dan sub-item berikut boleh didapati di **Menu Utama**:
 - i. **Laman Utama – Permohonan Pembiayaan**
 - ii. **Borang Online – Melibatkan akaun aktif bagi tujuan berikut:**
 - Permohonan Penyata Baki Hutang Untuk Tujuan Penyelesaian Penuh
 - Tuntutan Lebihan Baki Pembiayaan Perumahan
 - Permohonan Penghantaran Semula Dokumen
 - Permohonan Penangguhan Bayaran Balik
 - Permohonan Pengemaskinian Pusat Pembayar Gaji
 - Pemberitahuan Keilatan
 - Permohonan Bayaran Balik Tunggakan
 - Permohonan Kemaskini Alamat
 - iii. **Kalkulator**
 - Anggaran Ansuran Bulanan
 - Penyelesaian Awal
 - iv. **Inkuri Status**
 - Permohonan Pembiayaan
 - Dokumentasi Pembiayaan
 - Status Bayaran Balik
 - Status Baki Pembiayaan


- Status Bayaran Pembiayaan
 - Penyata Tahunan
- v. **Soalan Lazim**
- Maklum balas LPPSA berkaitan Kerja Tambahan
 - Maklum balas LPPSA berkaitan Pembiayaan Bersama
 - Maklum balas LPPSA berkaitan Jenis-Jenis Pembiayaan
 - Maklum balas LPPSA berkaitan Kadar Faedah



[Rajah 3.0.2]

3.1 PERMOHONAN PEMBIAYAAN

1. Halaman laman utama akan memaparkan pemilihan jenis pembiayaan yang boleh dipilih oleh pemohon: [Rajah 3.1.1]
 - i. Permohonan Individu
 - ii. Permohonan Bersama



[Rajah 3.1.1]

2. Bagi permohonan baru, pemohon diminta untuk memasukkan butir-butir berikut semasa membuat permohonan pemberian:
 - i. Maklumat Awal Pemberian
 - ii. Maklumat Perkhidmatan
 - iii. Pendapatan dan Komitmen
 - iv. Maklumat Pemberian
 - v. Pemilihan Insurans/Takaful
 - vi. Pengesahan
3. Bagi pinjaman bersama, kesemua pemohon perlu membuat pendaftaran ID pemohon secara berasingan.

3.1.1 PERMOHONAN INDIVIDU

Maklumat Awal Pembentangan (Hartanah)

Pemohon disarankan menyemak kelayakan pinjaman terlebih dahulu menggunakan Kalkulator Anggaran Ansuran Bulanan di laman utama sebelum meneruskan permohonan.

Skim Pembentangan *

Ambil Alih *

Jenis Pembentangan *

i. Maklumat Awal Pembentangan (Hartanah)

1. Maklumat Awal Pembentangan (Hartanah) yang perlu dikemaskini adalah seperti berikut: [Rajah 3.1.1.1 – 3.1.1.2]
 - a. **Skim Pembentangan***
 - i. Konvensional
 - ii. Islam
 - b. **Ambil Alih***
 - Sila pilih ya atau tidak
 - c. **Jenis Pembentangan***
 - Jenis I : Membeli Rumah Atau Petak Rumah Kediaman Yang Telah Siap
 - Jenis II : Membina Rumah Di Atas Tanah Sendiri

- Jenis III : Membeli Rumah Atau Petak Rumah Kediaman Dalam Pembinaan
- Jenis IV : Membeli Tanah Dengan Tujuan Membina Rumah
- Jenis V : Menyelesaikan Hutang Pinjaman Bank/ Institusi Kewangan
- Jenis VI : Membuat Kerja Ubahsuai Rumah Atau Petak Rumah Kediaman

d. Dibina oleh

- Nama pemaju/ kontraktor
- No. Pendaftaran pemaju/ Kontraktor
- E-mel Pemaju/ Kontraktor
- Nama Projek

e. Jenis Projek*

- i. Bina dan Jual
- ii. Normal

f. Jenis Kediaman*

- i. Banglo
- ii. Rumah Berkembar
- iii. Rumah Pangsa
- iv. Rumah Bandar
- v. Rumah Teres
- vi. Kediaman Berkedai
- vii. Kondominium
- viii. Cluster/Teres Berkelompok
- ix. Tanah (Untuk Jenis 4 dan Jenis

g. Rumah Kos Rendah?*

- i. Ya
- ii. Tidak

h. Status Pembinaan*

- i. Selesai
- ii. Dalam Kemajuan
- iii. Tidak berkenaan

i. Amaun Kontrak Pembinaan / Borang Tempahan / Borang Pembelian / Tawaran Pembelian / Perjanjian Jual Beli (RM) *

Masukkan Kontrak Pembinaan / Borang Tempahan / Borang Jualan Tawaran untuk Pembelian / Jumlah S & P (RM)

j. Kategori Pembiayaan

- i. Pertama
- ii. Kedua

k. Peguam Dokumentasi Pilihan Pertama*

Pilih peguam dokumentasi dari senarai pilihan.

l. Peguam Dokumentasi Pilihan Kedua

Pilih peguam dokumentasi dari senarai pilihan.

m. Peguam Dokumentasi Pilihan Ketiga

Pilih peguam dokumentasi dari senarai pilihan.

n. Perakuan

Klik pada kotak untuk pengesahan perakuan

2. Sila pastikan ruangan yang bertanda (*) diisi dengan lengkap. Klik pada butang Seterusnya untuk meneruskan proses selanjutnya.

ii. Maklumat Perkhidmatan

A. Maklumat Perkhidmatan (1/2)

1. Maklumat Perkhidmatan (1/2) yang perlu dikemaskini adalah seperti berikut : [Rajah 3.1.1.3]

a. Kementerian / Jabatan / Bahagian

Maklumat ini akan dipaparkan secara automatik dari profil

b. Jenis Perkhidmatan*

- i. Persekutuan
- ii. Negeri

c. Kategori Perkhidmatan*

- i. Penjawat awam
- ii. Pihak berkuasa tempatan
- iii. Badan Berkanun
- iv. Tentera Darat
- v. Polis
- vi. Hakim
- vii. Ahli Pentadbiran
- viii. Ahli Parlimen
- ix. Kakitangan LPPSA

d. Sub – Kategori Perkhidmatan*

Sila buat pilihan sub – kategori perkhidmatan jika kategori perkhidmatan adalah Pentadbiran dan Parlimen

e. Gred Jawatan Hakiki*

Sila masukkan gred jawatan hakiki.

f. Kumpulan*

- i. Pentadbiran JUSA TURUS
- ii. Pengurusan dan Profesional
- iii. Sokongan 1
- iv. Sokongan 2

Maklumat Perkhidmatan (1/2)

Sila lengkapkan maklumat perkhidmatan berikut.

Kementerian/Jabatan/Bahagian

Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Jenis Perkhidmatan *

Negeri Persekutuan

Kategori Perkhidmatan *

Select an Option

Sub-Kategori Perkhidmatan *

Select an Option

Gred Jawatan Hakiki *

Kumpulan *

Select an Option

Seterusnya »

[Rajah 3.1.1.3]

B. Maklumat Perkhidmatan (2/2)

1. Maklumat Perkhidmatan (2/2) yang perlu dikemaskini adalah seperti berikut: [Rajah 3.1.1.4]

a. Tarikh Lantikan Perkhidmatan Semasa*

Sila pilih tarikh mula perkhidmatan dari kotak kalendar.

b. Tarikh Pengesahan Perkhidmatan Semasa*

Sila pilih tarikh sah perkhidmatan.

c. Skim Persaraan*

- i. Pencen
- ii. KWSP

d. Umur Persaraan Wajib*

Sila buat pilihan umur persaraan wajib di ruang pilihan yang disediakan

e. Tarikh Persaraan Wajib*

Tarikh persaraan wajib akan dipaparkan secara automatik mengikut pilihan umur persaraan.

f. Nombor Telefon Pejabat*

Sila isi nombor telefon pejabat atau tanpa tanda sengkang (“-”) atau ruang kosong (“ ”).

g. E-mel Pejabat

Sila isi e-mel pejabat

Maklumat Perkhidmatan (2/2)

Sila lengkapkan maklumat perkhidmatan berikut.

Tarikh Lantikan Perkhidmatan Semasa *

Tarikh Pengesahan Perkhidmatan Semasa *

Skim Persaraan *

Pencen KWSP

Umur Persaraan Wajib *

Select an Option

Tarikh Persaraan Wajib

Nombor Telefon Pejabat *

0312345678

E-mel Pejabat

email@hotmail.com

[« Kembali](#)

[Seterusnya »](#)

[Rajah 3.1.1.4]

iii. Pendapatan dan Komitmen

1. Maklumat Pendapatan dan Komitmen yang perlu dikemaskini adalah seperti berikut: [Rajah 3.1.1.5]
 - a. **Kod Pusat Pembayar Gaji***
Sila pilih kod pusat pembayar gaji dari senarai pilihan.
 - b. **Nombor Gaji***
Sila isikan nombor gaji yang tertera pada slip gaji pemohon.
 - c. **Gaji pokok seperti tertera pada Slip Gaji (RM)***
Sila masukkan gaji pokok seperti yang tertera pada Slip Gaji
 - d. **Elaun Tetap Bulanan seperti tertera pada Slip Gaji (RM)**
Sila masukkan elauan tetap bulanan seperti yang tertera pada Slip Gaji.
 - e. **Potongan Statutori seperti tertera pada Slip Gaji (RM)***
Sila masukkan potongan statutori seperti yang tertera pada Slip Gaji.
 - f. **Potongan Lain seperti tertera pada Slip Gaji (RM)***
Sila masukkan potongan lain seperti yang tertera pada Slip Gaji.
2. Sila pastikan ruangan yang bertanda (*) diisi dengan lengkap.
Klik pada butang **Seterusnya** untuk proses selanjutnya.

Pendapatan dan Komitmen

Sila lengkapkan maklumat Pendapatan dan Komitmen berikut.

Kod Pusat Pembayar Gaji *

1012 - JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (IBU PEJABAT)

X ▾

Nombor Gaji *

100112

Contoh Slip Gaji

Gaji Pokok Seperti Tertera pada Slip Gaji (RM) *

2,933.44

Elaun Tetap Bulanan Seperti Tertera pada Slip Gaji (RM)

300.00

?

Potongan Statutori Seperti Tertera pada Slip Gaji (RM)

100.00

?

Potongan Lain Seperti Tertera pada Slip Gaji (RM)

0.00

Seterusnya ➤

[Rajah 3.1.1.5]

iv. Maklumat Pembiayaan

1. Maklumat Kelayakan Jumlah Pembiayaan Sebelum Pemilihan Insurans akan tertera di bahagian atas belah kiri halaman bagi menentukan had maksima kelayakan pemohon.
2. Kelayakan Tempoh Pembiayaan (Bulan) dan Kelayakan Ansuran Bulanan jugak akan tertera di halaman tersebut.
3. Maklumat Pembiayaan yang perlu dikemaskini adalah seperti berikut: [Rajah 3.1.1.6]

**a. Amaun Kontrak Pembinaan / Borang Tempahan
Borang Pembelian / Tawaran Pembelian / Perjanjian
Jual Beli (RM) ***

Maklumat ini akan dipaparkan secara automatik dari Maklumat Awal Pembiayaan (Hartanah)

- b. Amaun Pembiayaan yang dimohon (RM)***
Sila isikan jumlah pembiayaan yang ingin dipohon.
 - c. Amaun Kerja Tambahan (RM)**
Sila isikan amaun kerja tambahan (jika berkenaan).
 - d. Amaun Tempat Letak Kereta (RM)**
Sila isikan amaun tempat letak kereta (jika berkenaan).
 - e. Yuran Guaman**
Sila isikan amaun yuran guaman (jika berkenaan).
 - f. Amaun untuk Harta (tidak termasuk amaun yuran guaman)**
Maklumat amaun harta akan dipaparkan secara automatik.
